



HAMZAH (kanan) meraikan kemenangan GRS bersama penyokong gabungan itu di Kota Kinabalu semalam.



MOHD. SHAFIE membuang undi di Sekolah Kebangsaan Bubul, Semporna.

UMNO, Bersatu raih kemenangan besar, Warisan gagal pertahan status kerajaan

GRS tumbang Warisan di Sabah



Oleh **NUZULSHAM SHAMSUDDIN, MALINDA ABDUL MALIK, LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR, EDDY HAMIDI dan MOHD. RIDZAUDDIN ROSLAN**

KUALA LUMPUR – Gabungan Rakyat Sabah (GRS) berjaya membentuk kerajaan di Sabah apabila memperoleh 38 daripada 73 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah semalam.

Keputusan tidak rasmi setakat pukul 10 malam tadi menyaksikan gabungan terdiri daripada Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) itu memperoleh majoriti mudah untuk membentuk kerajaan negeri.

UMNO memenangi kerusi terbanyak iaitu 15 kerusi diikuti Perikatan Nasional (16) yang terdiri daripada Bersatu dan Star. Parti Bersatu Sabah pula memenangi 7 kerusi.

Kemenangan GRS semalam turut disahkan Setiausaha Agung Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Hamzah Zainuddin selepas gabungan itu memenangi 37 kerusi DUN.

“Setakat ini, keputusan tidak rasmi 37 daripada 73 kerusi milik GRS,” katanya.

Ketua BN Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin turut mengesah kemenangan dan mendakwa Gabungan Rakyat Sabah (GRS) memperoleh majoriti untuk membentuk kerajaan.

KEPUTUSAN PRN SABAH		
GABUNGAN RAKYAT SABAH	WARISAN PLUS	LAIN-LAIN
16	19	0 0
15	1	1 0
7	6	0 0
	0	0 2
		0
JUMLAH 38	JUMLAH 26	JUMLAH 3

*Keputusan tidak rasmi setakat pukul 10 malam.



BUNG MOKTAR membuang undi SMK Bukit Garam, Kinabatangan.

“Kami mengucapkan terima kasih kepada rakyat Sabah yang mahukan perubahan,” katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat UMNO Sabah di Kota Kinabalu.

Dalam pada itu, Warisan Plus yang diketuai Datuk Seri Mohd.

Shafie Apdal gagal dalam percubaannya mengekalkan kerajaan selepas gabungan parti komponen itu sekadar memenangi 26 kerusi DUN.

Parti Warisan Sabah (Warisan) memenangi 19 kerusi DUN,

manakala DAP mendapat enam kerusi dan Parti Keadilan Rakyat (1). Satu lagi komponen Warisan Plus iaitu UPKO gagal memenangi sebarang kerusi termasuk kekalahan mengejut yang dialami presidennya, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau di DUN Kiulu.

Keputusan tidak rasmi semalam turut menyaksikan beberapa kejutan apabila dua calon Bebas termasuk Datuk Masiung Banah yang mengekalkan kemenangan di DUN Kuamut.

Sebelum ini, Masiung merupakan wakil rakyat di kawasan itu sejak 2004 dan kemudian bersama UPKO sehingga Pilihan Raya Umum (PRU) 2018.

Percubaan beberapa parti tempatan termasuk Parti Cinta Sabah (PCS) pimpinan Datuk Seri Anifah Aman bagaimanapun gagal memikat hati pengundi apabila kesemua calon yang diturunkan ditolak oleh pengundi.

Episod PRN Sabah bermula apabila bekas Ketua Menteri Sa-

bah, Tan Sri Musa Aman mendakwa mempunyai majoriti mudah untuk membentuk kerajaan negeri tersebut.

Bagaimanapun, Mohd. Shafie yang pada ketika itu merupakan Ketua Menteri Sabah membubarkan DUN negeri tersebut pada 30 Julai lalu setelah mendapat perkenan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin.

Tindakan Mohd. Shafie membubarkan DUN negeri tersebut membuka laluan bagi PRN Sabah.

Bagaimanapun, pembubaran DUN itu mendapat bantahan daripada 33 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), yang telah membawa kes tersebut ke Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu.

Bagitupun, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 17 Ogos lalu menolak kes semakan kehakiman berhubung 33 wakil rakyat yang mencabar pembubaran DUN Sabah.

Kes berkenaan kemudiannya dibawa ke Mahkamah Rayuan, namun ia ditolak pada 8 September lalu, sekali gus membolehkan PRN Sabah dilaksanakan sebagaimana ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (PRN).

SPR menetapkan 12 September sebagai hari penamaan calon, manakala 26 September (semalam) sebagai hari mengundi.

PRN Sabah menyaksikan 13 kerusi baharu dipertandingkan hasil persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Kerusi tersebut ialah Bengkoka, Bandau, Pintasan, Pantai Dalit, Darau, Tanjung Keramat, Limbahau, Tulid, Telupid, Sungai Manila, Lamag, Segama dan Kukusan.

Dalam pada itu, lebih 58 peratus daripada 1.1 juta pengundi menunaikan tanggungjawab mereka semalam.